

## **LOW COST TOTAL NUTRIENT REMOVAL TECHNOLOGY: THE VASSF FOR SIMULTANEOUS N&P REMOVAL FROM WASTEWATER**

Pada 28 Julai 2016, Pengarah Stratcom Technology Center Sdn. Bhd. Mr. Steve Peters, bersama Pengurus syarikat En. Isa Azman telah mengadakan lawatan dan perbincangan ke Pusat Inovasi, Pengkomersilan dan Perundingan (ICC), Pejabat Pengurusan Penyelidikan, Inovasi, Pengkomersilan dan Perundingan (ORICC). Lawatan ini adalah bagi membincangkan mengenai pengkomersilan produk **Low Cost Total Nutrient Removal Technology: The Vassf for Simultaneous N&P Removal From Wastewater**.

Perbincangan ini telah dipengerusikan oleh Profesor Madya Dr. Mohd. Najib Mohd. Salleh, Dekan ICC. Turut hadir adalah Profesor Madya Dr. Nik Hisyamudin Muhd Nor, Timbalan Dekan ICC serta penyelidik-penyelidik iaitu Profesor Madya Dr. Norzila Othman (FKAAS) dan Profesor Madya Dr. Rafidah Hamdan (FTK). Perbincangan meliputi perancangan pelesenan produk penyelidikan kepada Stratcom Technology Sdn. Bhd. serta perkara-perkara yang berkaitan dengan penetapan Fi Pelesenan, tempoh pelesenan dan royalti produk. Selain itu, kerjasama lain yang akan dilaksanakan ialah program sangkutan pelajar ke Stratcom Technology Sdn. Bhd.



## **PERKONGSIAN ILMU “NEWTON-UNGKU OMAR FUND”**

Pada 20 Julai 2016, Pusat Penyelidikan dan Pembangunan (R&D), ORICC telah mengadakan Sesi Perkongsian Ilmu “Newton-Ungku Omar Fund” di Bilik Seminar 2, Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FKEE). Penceramah jemputan adalah Ms Liew Siew Hui, *Newton Programmes Manager* dari British Council Malaysia. Turut berkongsi pengalaman dalam sesi ini ialah Dr. Noralfishah Sulaiman dari Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan (FPTP). Beliau merupakan satu-satunya penyelidik yang telah berjaya menerima dana penyelidikan Newton Fund pada tahun 2015. Sesi perkongsian ilmu yang dihadiri seramai lebih kurang 40 peserta ini bertujuan berkongsi pengalaman mengenai penyediaan kertas cadangan bagi permohonan *Newton-Ungku Omar Fund*. Semoga program ini memberi manfaat kepada semua peserta serta meningkatkan bilangan permohonan dana penyelidikan antarabangsa di kalangan penyelidik.

